

15 OCT 2001

OIC (Analisis Berita)

MENJADIKAN OIC PENYUMBANG KEPADA KEAMANAN DAN KESTABILAN DUNIA

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) - Amerika Syarikat dan sekutunya ternyata tidak menghiraukan bantahan dan kebimbangan masyarakat dunia mengenai kempen ketenteraan mereka di Afghanistan, yang dilakukan atas alasan mengesan pengganas.

Walaupun Amerika Syarikat menerima sokongan mengesan pengganas rentetan daripada serangan ke atas New York dan Washinton pada 11 Sept, banyak negara membantah tindakan ketenteraan ke atas Afghanistan.

Amerika Syarikat dan Britain melancarkan serangan ke atas sasaran di Afghanistan mulai 7 Okt selepas pemerintah Taliban enggan menyerahkan Osama bin Laden, yang dinamakan oleh Washington sebagai suspek utama serangan berani mati itu.

Malaysia menjadi antara negara pertama yang menyokong usaha untuk menangkap pengganas namun Kuala Lumpur menolak peperangan sebagai kaedah untuk mencapai objektif itu.

Memang boleh diterima jika gesaan itu dibuat oleh negara-negara kecil secara individu tidak dihiraukan oleh Amerika Syarikat, namun apabila 57 anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), badan yang bertanggungjawab menjaga kebajikan negara-negara Islam membuat gesaan yang serupa dan mendapat jawapan yang sama, ternyata sesuatu mesti dilakukan bagi menangani situasi itu.

Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam satu kenyataan pada mesyuarat OIC di Doha berkata senario politik global semasa perlu dijadikan sebagai satu ujian kepada OIC untuk mengkaji semula peranan dan relevannya badan itu.

Amerika Syarikat telah melancarkan kempen ketenteraan di Afghanistan tiga hari sebelum sesi khas mesyuarat menteri-menteri luar OIC di Doha, Qatar, dan meneruskan tindakan mereka, malah lebih besar, selepas mesyuarat OIC.

Mesyuarat OIC telah mengeluarkan kenyataan, yang antara lain menentang perang di Afghanistan tetapi menyokong usaha untuk menjejaki mereka yang terbabit dalam serangan pada 11 Sept melalui kaedah yang bukan berbentuk peperangan.

Dalam situasi yang cepat berubah dalam keadaan semasa dan pada masa akan datang, OIC mesti menjadikan dirinya sebagai satu pertubuhan yang hanya mengendalikan masalah dalam persidangan, kepada sebuah pertubuhan negara-negara Islam yang bersatu dan suara yang padu dan berupaya menyumbang kepada kestabilan dan keamanan dunia.

Adalah penting bagi OIC mula melakukan usaha yang serius, sekurang-kurangnya memastikan apa yang dipersetujui pada sesi khas pada 10 Okt di Doha dilaksanakan dengan berkesan terutama dalam membersihkan imej Islam yang tercemar akibat tragedi 11 Sept itu.

Dalam hubungan ini, cadangan Malaysia bagi melaksanakan serta merta resolusi OIC yang membabitkan Agensi Berita Islam Antarabangsa (IINA) dan Pertubuhan Penyiaran Negara Islam (ISBO) mesti dilaksanakan bagi menyediakan program-program yang bersesuaian untuk menyiarkan berita dan laporan yang seimbang mengenai Islam.

Antara lain, terdapat keperluan untuk mengetengahkan kepada dunia bahawa Islam adalah agama yang cintakan keamanan, toleransi dan sederhana.

Emir Qatar Sheikh Hamad Bin Khalifa Al-Thani, dalam ucapan perasmian mesyuarat di Doha menegaskan bahawa umat Islam sentiasa berusaha mewujudkan keamanan dan toleransi dan mendokong hak bukan Islam yang tinggal dalam

negara pemerintahan Islam, malah dalam masa mereka merupakan orang yang paling kuat dan berkuasa.

"Kami mengutuk keganasan bukan bertujuan menghapuskan rasa sangsi ke atas Islam, ia adalah kencaman ke atas pelampau yang biasa wujud dalam masyarakat dan tidak terhad kepada kaum dan budaya tertentu sahaja.

"Lebih-lebih lagi, menangani keganasan perlu kerana ia menjurus kepada kebencian," kata Sheikh Hamad.

Dalam konteks ini, banyak negara melihat Malaysia sebagai sebuah negara Islam dengan rakyat bukan Islam menikmati kebebasan beragama.

Langkah lain yang juga penting, ialah mengadakan persidangan antarabangsa mengenai keganasan di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi mencari punca dan tindakan praktikal bagi mengatasi masalah itu.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga telah menggesa masyarakat dunia mengadakan persidangan itu, sambil menekankan pentingnya mengenal pasti punca keganasan supaya langkah-langkah berkesan boleh diambil bagi menanganinya.

Pengalaman lampau sepatutnya membolehkan negara-negara Islam merangka formula yang membolehkan mereka menangani fenomena yang menyebabkan kebencian yang tidak membezakan antara satu kaum dengan kaum lain, juga tidak mengenal politik dan sempadan geografi, ekonomi atau sosial.

Tindakan serta merta mesti dilakukan untuk menyegerakan sumbangan kepada Tabung OIC bagi membantu penduduk awam Afghanistan, yang menderita sejak berdekad-dekad lamanya daripada peperangan dan konflik serta kehilangan anak lelaki dan kemusnahkan infrastruktur negara mereka.

Malaysia yang sentiasa lantang menggesa masyarakat dunia menyumbang bantuan kemanusiaan kepada rakyat Afghanistan, menubuhkan tabung amanah sendiri bagi membantu penduduk negara itu yang menderita akibat serangan ketenteraan.

Satu aspek penting bagi negara anggota OIC ialah perlunya membina kekuatan supaya dihormati masyarakat dunia.

Dr Mahathir Mohamad sentiasa menekankan perlunya negara-negara Islam membangunkan kekuatan ekonomi dan ketenteraan supaya tidak terlalu bergantung kepada pihak lain untuk kelangsungan hidup.

Menurut Syed Hamid, semua cadangan Malaysia diterimapakai pada mesyuarat Doha, 10 Okt, termasuk mengadakan persidangan khas mengenai keganasan di bawah payung PBB serta menyampaikan rasa simpati terhadap tragedi yang melanda Amerika Syarikat dan mengutuk serangan pada 11 Sept.

Semasa mesyuarat itu, Malaysia juga menyambut baik kenyataan oleh Amerika Syarikat untuk mewujudkan negara Palestin dan mahu melihat wawasan itu dilaksanakan.

Malaysia juga mencadangkan dialog dan interaksi antara agama bagi menjelaskan ajaran Islam sebenar.

-- BERNAMA
AFY AKT LAT